



Sazali P Ramlee nak jumpa Perdana Menteri

Ikut hati sudah lama mahu ziarah Sazali P Ramlee (Tan Sri), tetapi kekangan tugas jadi penghalang. Lagipun jarak kediaman Sazali di Semenyih, Selangor, dan penulis di Bandar Tasik Puteri, Rawang, Selangor, bukanlah dekat. Namun, dalam hidup jika terlalu memikirkan keduniaan penyudahnya tiada kesudahan walhal ikatan silaturahim itu semangannya dituntut Tuhan.

Apatah lagi memikirkan ayahanda Sazali dan ayahanda penulis (Salleh Ghani) bersahabat baik ketika hayat mereka ada di Singapura (P Ramlee menjadi Presiden PERSAMA, Salleh Ghani selaku Setiausaha) dan apabila berhijrah ke Kuala Lumpur, kedua-duanya mereka termasuk Tan Sri HM Shah menubuhkan pula Rumpun Melayu lalu terbinalah Pawagam P Ramlee.

PERSAMA singkatan Persatuan Artis Malaya iaitu persatuan pertama yang ditubuhkan untuk menjaga kebajikan, sosial dan ekonomi artis, di mana Lee Kuan Yew (mendiang) selaku Penasihat Undang-Undang. Dibanding Sazali, penulis lebih dulu mengenali Badin P Ramlee (Allahyarham) kerana kami bersekolah sama di Sekolah Menengah Tinggi Setapak, begitu juga dengan Nasir P Ramlee (Allahyarham) mulai rapat sejak penulis menjadi wartawan pada era 80-an. Sejak kematian Nasir pada 17 Disember 2008, tumpuan kini terarah pada Sazali.

Sekalipun Sazali, 58, tidaklah seranak Nasir jika berseimbang mengenai Seniman Agung itu, tetapi usah buat hal andai sesuatu yang menghina P Ramlee, Sazali bingkas tampil bagi menangkis tohmahan. Ketika timbul isu "P Ramlee merempat" dicituskan David Teo, Sazali mencabar produser itu agar jangan biadab dan pergi ke pusara P Ramlee untuk memohon maaf.

Kunjungan penulis ke rumahnya kelmarin pun, Sazali masih



SAZALI (dalam bulatan) bersama keluarga di era kegemilangan.

SAZALI merenung masa depan.

meluahkan rasa tidak puas hati pada David Teo dan mahukan pelbagai pihak membetulkan fakta (terutama bloggers) mengenai kehidupan akhir hayat P Ramlee tidaklah merempat, sebaliknya biasa-biasa saja bahkan jauh lebih baik berbanding pelakon seangkatan dengannya pada era 70-an ketika itu.

Ikutkan ketika majlis Berbuka Puasa Penganjur Seni Bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hujung Ramadan lalu, nama Sazali turut tersenarai sebagai penerima sumbangan. Pemilihan Sazali mengenangkan beliau zuriat P Ramlee selain kehidupannya yang tidak sempurna. Jenuhlah penulis memujuk, begitu juga pihak Persatuan Seniman Malaysia agar Sazali dapat menghadiri majlis bermakna itu, tetapi pelbagai alasan diberi selain keuzurannya, isterinya, Hamidah Hitam, 53, juga tidak sihat akibat penyakit tulang belakang.

Pihak penganjur, Yayasan Perdana

Ummah (YPU) sanggup menyediakan kenderaan ala uber untuk membawa Sazali ke Seri Perdana, sebagaimana dilakukan pada seniman seniwati yang uzur seperti Latiff Borgiba, Datuk Zulkifli Zain dan Datin Normala Omar, Nozie Nani, keluarga Mior Hashim Manaf, Sony Abdullah tetapi Sazali tetap tidak berganjak dengan keputusannya.

Walhal jauh di sudut hati ketika menemuinya, Sazali berkata sumbangan Perdana Menteri amat dinanti untuk menyambut Aidilfitri. Malah melalui Sandakiah Azez (anak seniman Datuk Aziz Sattar), Sazali acapkali bertanya apakah boleh menerima kembali sumbangan itu, tetapi bila ditanya pada penulis hanya mampu berkata jika ada rezeki tidak ke mana.

Tidak seperti anak Tan Sri yang lain mewah dengan status, tetapi Sazali tidak memiliki semuanya itu namun apa yang menyimpannya menarik untuk kita fahami takdir ditentukan ilahi. Untuk menjalani kehidupan

harian sekarang Sazali bergantung pada bantuan zakat RM250 sebulan dan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) RM200 sebulan.

Dengan jumlah tidak mencecah RM500 sebulan, Sazali sukar menidakan keperluan hidup dialami, apatah lagi dia sudah tidak bekerja sejak 2015 kesan kemalangan dialami. Isterinya ketika muda bekerja di kantin dan sejak dikesan menghadapi sakit tulang belakang pada tahun lalu serta perlu menjalani pembedahan, kudrat isterinya tidak larat membuat kerja berat.

Untuk belanja pasar setiap minggu sekali, Sazali dan isteri akan ke pekan Semenyih dihantar pergi dan pulang oleh kenalan di kediamannya. Upah diberi pada pemandu itu RM20. Sazali yang tidak memandu berkahwin dengan Hamidah pada 1988 dan pasangan ini masih tidak mempunyai anak. Jika mempunyai urusan di Kuala Lumpur, Jaja Loma akan menghantar Sazali.

"Mujur saya ada keluarga mentua yang baik hati beri saya dan isteri menumpang di rumah mereka," kata Sazali sayu.

Jika P Ramlee ada, hidup Sazali tentulah lebih sempurna berbanding kini, sebagaimana dijelas Sazali, "Daddy (PRamlee) kalau hidup, saya berjalan guna drebarlah (pemandu)."

Berbanding anak lain, Sazali lebih istimewa dilayan P Ramlee hinggalah dicipta lagu Anakku Sazali juga menjadi judul filem arahan Phani Majumdar pada 1956. Malah ada dua tiga lagu dan filem terbaik karya serta arahan P Ramlee terhasil selepas kelahiran Sazali. Pendek kata, Sazali yang turut berlakon dalam filem Ahmad Albab adalah sumber inspirasi P Ramlee.

Ke mana tumpahnya kuah jika tidak ke nasi, barangkali begitulah dirancang P Ramlee dengan memasukkan Sazali ke sekolah muzik, namun selepas kematian P Ramlee, Sazali diminta Saloma (Puan Sri) berhenti kelas muzik kerana tidak cukup wang untuk membayar yuran bulanan. Namun usah terperanjat, Sazali boleh memetik piano pelbagai lagu ciptaan P Ramlee.

Piano usang yang menjadi temannya di ruang tamu rumahnya itu hadiah dari Jaja Loma. Latar Sazali hanyalah pekerja am bersama Alam Flora dan sejak kemalangan menyimpannya yang jatuh basikal di pekan Semenyih pada 2011 lalu terpaksa membuat pembedahan pinggul pada 2015, Sazali sudah tiada kudrat untuk bekerja dan mengangkat barangan yang berat.


Untuk menjalani pembedahan memasukkan besi berjumlah RM12,000 ketika itu pun, Sazali terpaksa menagih simpati ke Pusat Zakat. Yang merungsingkan Sazali kini untuk mencari RM20,000 bagi kos pembedahan tulang belakang isterinya itu, malah tanpa segan silu Sazali berkata teringin berjumpa Perdana Menteri bagi meringankan bebanan hidup dihadapi.

Penulis Pengarang Rencana Metro Ahad

tekad dan melancarkan jihad untuk memerangi rasuah. Percayalah kita boleh melakukan perubahan secara bersama. Misalnya jangan sesekali memberi mahupun menawarkan rasuah, jangan meminta dan juga menerima rasuah. Katakan tidak pada rasuah.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti putra Malaysia

Dialog Kotaraya



Oleh Juragan

